

STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK AYAM PENELUR

Standard Minimum Kebersangkutanjawaban untuk Ayam Penelur seperti yang dilampirkan merangkumi keperluan kebajikan utama khusus untuk ayam penelur. Prinsip Standard Minimum Kebersangkutanjawaban hendaklah dibaca bersama dengan Standard Minimum Kebersangkutanjawaban untuk Ayam Penelur kerana Prinsip tersebut memperincikan secara menyeluruh keperluan yang terpakai kepada semua ternakan ladang.

Tentang Inisiatif FARMS dan Standard Minimum Kebersangkutanjawaban

Matlamat Inisiatif Standard Minimum Kebersangkutanjawaban Haiwan Ternakan (FARMS) adalah supaya institusi kewangan menggalakkan dan menyokong pengeluaran daging, susu dan telur, dan syarikat-syarikat lain dalam rantaian bekalan bagi memenuhi Standard Minimum Kebersangkutanjawaban yang berkaitan dengan cara penjagaan, pemindahan dan sembelihan haiwan ternakan. Inisiatif FARMS diasaskan oleh sebuah organisasi perlindungan haiwan sedunia. Standard Minimum Kebersangkutanjawaban berasaskan prinsip-prinsip sejumlah rangka kerja sedunia dan mencerminkan input daripada pelbagai organisasi perlindungan haiwan dan organisasi pensijilan kebajikan haiwan.

STANDARD MINIMUM KEBERTANGGUNGJAWABAN UNTUK AYAM PENELUR

Risiko Kebajikan 1: Keterbatasan Ruang

Standard Pengurangan 1:

- 1.1 Sangkar sama ada tandus/berderet atau diperkaya/berkelengkapan tidak boleh digunakan.
- 1.2 Kepadatan ternakan mestilah tidak lebih daripada 9 ekor ayam betina per m² dari ruang yang digunakan.

Risiko Kebajikan 2: Persekitaran Tandus dan Tidak Sesuai

Standard Pengurangan 2:

- 2.1 Sekurang-kurangnya satu kotak sangkak bagi setiap enam ekor ayam atau 1 m² substrat sangkak per 120 ekor ayam betina untuk sangkak berkumpul mestilah disediakan.
- 2.2 Kawasan tempat bertenggek mestilah disediakan sekurang-kurangnya dengan keluasan tempat bertenggek 18 cm untuk seekor ayam.
- 2.3 Apabila ayam betina dikurung di dalam kandang sama ada ditenak di dalam bangsal atau secara bebas, apabila ayam ditempatkan di dalam kandang pada waktu malam atau semasa cuaca buruk, minimum satu pertiga ruang lantai yang ada mestilah diliputi dengan jerami untuk keselesaan serta membolehkan aktiviti mandi debu dan mencari makanan.
- 2.4 Kepekatan ammonia pada ketinggian burung mestilah tidak lebih daripada 20 ppm.
- 2.5 Bahan pengayaan mestilah disediakan untuk membolehkan aktiviti mencari makan yang sesuai dan aktiviti semula jadi yang lain, contohnya biji-bijian dan bandela rumput kering yang bertaburan, untuk semua peringkat pengeluaran.
- 2.6 Ayam betina mestilah dibiarkan bergelap tanpa gangguan sekurang-kurangnya 8 jam sehari.

Risiko Kebajikan 3: Diet Yang Tidak Sesuai

Standard Pengurangan 3:

- 3.1 Bersalin bulu secara paksa adalah tidak dibenarkan.

Risiko Kebajikan 4: Tatacara Menyakitkan

Standard Pengurangan 4:

- 4.1 Pemotongan paruh tidak boleh dilakukan secara rutin.
- 4.2 Pengeluar mestilah mempunyai pelan pengurusan untuk mencegah dan menangani aktiviti mematok bulu pelepah tanpa memotong paruh.

Risiko Kebajikan 5: Pengangkutan dan Penyembelihan

Standard Pengurangan 5:

- 5.1 Memandangkan ayam penelur tua lemah dan mudah mendapat keretakan tulang, ayam ini hendaklah dimatikan secara perlahan di ladang dengan menggunakan gas yang tidak menyenangkan.
- 5.2 Dalam kes apabila ayam-ayam ini diangkut untuk penyembelihan, ayam penelur tua hendaklah ditangkap dengan lembut tanpa menterbalikkan ayam dan perjalanan mestilah tidak melebihi empat jam.
- 5.3 Elakkan membunuh anak ayam jantan berusia sehari, contohnya dengan menternak ayam jantan untuk mendapatkan dagingnya atau mengenal pasti dan membunuh ayam jantan semasa masih dalam peringkat penetasan telur dan sebelum berlaku perkembangan deria.

Risiko Kebajikan 6: Pematuhan dan Ketelusan

Standard Pengurangan 6:

- 6.1 Menunjukkan pematuhan terhadap standard di atas melalui pengauditan pihak ketiga secara tahunan dan pelaporan awam tahunan tentang perkembangan terhadap komitmen ini.